

Komponen BN diminta baiki kualiti kepimpinan

Um - 11/2/2007

Oleh SAYED HESHAM IDRIS

MIRI 10 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) memperbaiki kualiti kepimpinan masing-masing selaras dengan aspirasi politik rakyat masa kini.

Menurut Perdana Menteri, parti-parti komponen perlu segera menghapuskan kelemahan yang wujud dalam parti supaya BN terus kukuh.

Beliau berkata, parti-parti komponen perlu komited dalam usaha membawa pembangunan kepada rakyat.

"Jika kita mahu melihat BN kukuh dan terus wujud maka parti-parti komponen perlulah kukuh terlebih dahulu. Parti-parti ini ibarat tiang-tiang yang menyokong kekukuhan BN.

"Tiap-tiap anggota BN mempunyai tanggungjawab dalam menguatkan parti," katanya pada perasmian Persidangan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) ke-11, di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Menteri Sarawak yang juga Presiden PBB, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

BN Sarawak diterajui oleh PBB bersama-sama Parti Rakyat Sarawak (PRS), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP).

Dalam ucapannya, Abdullah turut meminta parti-parti komponen BN merenung nasib parti-parti politik lain yang 'gulung tikar' kerana tidak diyakini oleh rakyat.

Beliau berkata, ada parti politik lain yang masih kekal tetapi gagal memerintah kerana tidak diterima dan diyakini rakyat.

Namun, katanya, BN diyakini sehingga membolehkan ia terus memerintah.

"Saya ingin berpesan kepada parti-parti komponen BN supaya bersepakat menjadi kuat dan muafakat menjadi berkat.

"Kuatkanlah BN dan binalah kekuatan dalam parti-parti komponen," katanya.

Perdana Menteri berkata, semangat muafakat dalam BN menepati cita rasa rakyat kerana semua keputusan yang dibuat oleh parti berdasarkan rundingan bersama semua kaum.

Beliau berkata, keadaan itu tidak berlaku di mana-mana negara di dunia ini.

BN meneruskan semangat kerjasama semua kaum sejak daripada Perdana Menteri pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman lagi," katanya.

"Harapan saya kita perbaiki lagi semangat permuafakatan dalam BN demi kemajuan negara keseluruhannya," ujarnya.

Abdullah turut menekankan pentingnya usaha melahirkan generasi bermodal insan, demi pembangunan negara.

Menurutnya, Malaysia mempunyai rancangan kemajuan jangka masa panjang yang memerlukan kekuatan modal insan untuk menjayakannya iaitu Wawasan 2020.

"Manusia yang mempunyai kepandaian semata-mata tanpa kekuatan modal insan, ke-pandaiannya jika disalah guna boleh merosakkan," katanya.

Terdahulu, lebih 5,000 orang yang terdiri daripada kakitangan agensi kerajaan, pertubuhan sosial, parti-parti politik dan ketua kaum menyambut ketibaan Abdullah di Lapangan Terbang Miri, pagi ini.